

Tanam semula pokok ditebang: Abdullah

PM mahu semua negeri amal Pengurusan Hutan Mapan

Oleh Veena Rusli

SANDAKAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua pihak supaya mengambil serius keperluan menanam semula pokok yang ditebang bagi memastikan khazanah alam semula jadi yang dimiliki mampu bertahan untuk jangka panjang.

Perdana Menteri berkata, konsep Pengurusan Hutan Mapan (SFM) mesti digerakkan dengan lebih ber-sungguh-sungguh dan disusuli langkah menguatkuasakan peraturan yang tegas.

"Apa yang diambil (hasil hutan) mesti dikembalikan (ditanam semula)," katanya dalam sesi dialog selepas mendengar taklimat mengenai konsep SFM di Hutan Simpan Deramakot, kira-kira 200 kilometer dari sini, semalam.


Taklimat disampaikan Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Sam Mannan. Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Abdullah berkata, penanaman semula hutan bukan sekadar dapat menyelesaikan masalah sumber pengeluaran balak tetapi turut membabitkan pemuliharaan ekologi secara mapan.

Pada sidang media selepas majlis perasmian dan penyerahan kunci projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mesra di sini petang semalam, Perdana Menteri mengingatkan kepelbagaian hasil semula jadi tidak boleh disalah guna.

Katanya, hasil hutan tidak seharusnya merujuk kepada balak semata-mata, malah mesti menyentuh skop lebih besar merangkumi kekayaan biodiversiti yang boleh dijana dalam pelbagai bidang seperti perubahan dan penyelidikan untuk manfaat banyak pihak.

Sambil menyatakan kekagumannya terhadap konsep SFM yang dilaksanakan kerajaan negeri Sabah di Deramakot, Perdana Menteri membayangkan harapan agar negeri lain



USAHA MURNI: Abdullah menyaksikan penyerahan replika cek oleh Kalimullah (dua dari kanan) kepada Mannan (dua dari kiri) sambil diperhatikan Musa di Hutan Simpan Deramakot, dekat Sandakan, semalam.

turut melaksanakan kaedah sama yang dilihat memaparkan pengurusan hutan secara sistematik tanpa mengabaikan pembangunan.

"Saya akan sebut mengenai lawatan ke Deramakot pada mesyuarat bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri selepas ini... ia adalah sesuatu yang elok dan wajar dilaksanakan secara lebih menyeluruh," katanya.

Ketika di Deramakot, Abdullah turut menyaksikan penyampaian cek oleh syarikat Ekowood Sdn Bhd dan Yayasan Alexander Abraham (AAF), iaitu pertubuhan bukan kerajaan berpangkalan di New York, kepada Jabatan Perhutanan Sabah.

Ekowood yang diwakili Pengerusinya, Datuk Kalimullah Hassan, me-

nyerahkan cek bernilai RM330,000 manakala AFF menerusi Pengarah Urusannya, Nancy Abraham, menyumbang RM380,000 yang kedua-duanya disampaikan kepada Mannan.

FAKTA NOMBOR

Sumbangan diterima
Jabatan Perhutanan Sabah

RM330,000

Syarikat Ekowood Sdn Bhd

RM380,000

Yayasan Alexander Abraham

Sementara itu, *Bernama* melaporkan pada Majlis Bersama Rakyat di Batu 4 di sini, malam tadi Abdullah berkata, tiga Rancangan Malaysia iaitu Kesembilan, Ke-10 dan Ke-11 dalam tempoh 14 tahun akan datang penting dalam menentukan keupayaan negara mencapai Wawasan 2020.

Beliau berkata, jika satu daripada rancangan yang dilaksanakan setiap lima tahun itu terjejas, ia mengganggu semua perancangan pembangunan untuk mencapai matlamat itu.

"Kita tidak mahu lahirkan manusia pandai saja dengan kelakuan tidak baik kerana ia tidak akan bermanfaat kepada orang lain," katanya.